

PM pengerusi sidang khas

KOTA TINGGI: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempekerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Perundangan Islam (OIC) untuk membincang dan mengusahakan penyelesaian konflik di Lubnan dan Palestin, di sini pada Khamis ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perbincangan itu akan bertumpu kepada isu pencerobohan dilakukan Israel ke atas Lubnan dan Palestin.

"Satu perbincangan dan keputusan tegas akan dibuat pada mesyuarat itu bagi memastikan keganasan dilakukan Israel dapat segera ditamatkan.

"Kita perlu melakukan sesuatu dengan segera kerana masyarakat antarabangsa dan Barat tidak lagi mahu berusaha ke arah penyelesaian. Mereka seolah-olah tidak mahu menangani isu ini, jadi kita kena usahakanlah," katanya.